

Kerajaan menyasarkan peningkatan sekali ganda bagi pengeluaran padi negara melalui penggunaan benih baharu jenis UKMRC2 dan UKMRC8 yang ditanam secara berperingkat mulai musim pertama bulan depan. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub, berkata untuk permulaan sebanyak 8,000 hektar sawah akan menggunakan benih berkenaan hasil kajian Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI) itu.



Katanya, benih baharu hasil kajian selama 17 tahun itu mempunyai ciri ketahanan kepada banjir, penyakit dan serangan perosak, sekali gus meningkatkan hasil. "Hasil yang petani kita peroleh sekarang secara purata adalah antara empat hingga lima tan sehektar, sekiranya benih ini digunakan ia mampu meningkatkan hasil sehingga tujuh ke lapan tan sehektar.





“Apa yang penting petani kini mempunyai pilihan untuk menggunakan benih lebih baik, untuk permulaan benih yang ada cukup untuk ditanam di 8,000 hektar sawah di bawah Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA),” katanya. Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Majlis Pengisytiharan Varieti Baharu UKMRC-2 di pekarangan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) MADA G-1 di Guar Chempedak di sini, petang tadi.





Mengulas lanjut, Salahuddin berkata dua varieti itu dihasilkan melalui pendebungaan terkawal daripada spesis padi liar *oryza rufipogonda* dan benih tempatan iaitu variete mega MR219. Beliau berkata, benih padi UKMRD-2 dan UKMRC-8 mendapat permintaan tinggi daripada petani seluruh negara, namun ia terhad berikutan MADACorp merupakan pengeluar tunggal.

Ditanya mengenai harga, YB Datuk Salahuddin berkata walaupun ia dikeluarkan oleh universiti, harganya akan dikawal kementerian. “Yang penting kalau dapat teruskan penggunaan benih itu dalam beberapa tahun lagi, ia akan tingkat tahap sara diri negara kepada bekalan beras tempatan yang ketika ini hanya 70 peratus.

“Inisiatif ini adalah strategi yang kita nantikan selama ini untuk tingkatkan hasil dan pendapatan petani kerana kita masih perlu mengimport 30 peratus beras dari luar,” katanya.

